

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

Ke arah didikan Islam lebih lengkap

● **PENUBUHAN** Universiti Islam Antarabangsa di negara kita merupakan perkembangan yang telah lama didikan Islam di setiap peringkat dari yang paling rendah dan asas ke tangga yang paling tinggi. Segala ini adalah pelaksanaan tegas cita-cita yang jelas untuk mengimbangi kemajuan kebendaan dengan kerohanian ●

Oleh **HAJI RAHIM SIDEK**

APABILA Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, mengumumkan penubuhan sebuah Universiti Islam Antarabangsa di negara ini Mac lalu, orang ramai dengan cepat menerimanya sebagai suatu penghormatan yang amat besar nilainya kepada Malaysia.

Mungkin pada waktu itu dan pada masa ini pun, tidak ramai yang menyedari bahawa penubuhan universiti itu adalah suatu perkembangan yang logik dari kemajuan yang telah kita capai di bidang pengajian Islam dalam sistem pendidikan negara.

Memandangkan betapa pentingnya pembangunan negara diimbangi dengan pembangunan rohaniah bagi menjamin kesempurnaan dan kesejahteraan hidup kita di dunia dan akhirat maka penekanan yang kuat telah diberikan kepada memajukan pendidikan Islam di semua bidang dari peringkat serendah-rendahnya hinggalah ke peringkat yang paling tinggi.

Di peringkat sekolah rendah dan menengah, di samping mengadakan sekolah-sekolah agama khusus seperti yang terdapat di Johor, usaha untuk membaiki kandungan kurikulum, kaedah dan keupayaan pengajaran terus ditingkatkan setiap tahun. Hakikat ini jelas dari peruntukan kewangan bukan kecil yang disediakan setiap tahun oleh Kementerian Pelajaran bagi pelajaran agama. Rancangan Malaysia Ketiga telah menyediakan \$38 juta untuk tujuan ini.

Peruntukan yang lebih sekali ganda dari jumlah ini telah disediakan untuk Rancangan Malaysia Keempat.

Hakikat

Beberapa dasar yang telah digerakkan menunjukkan kesungguhan kerajaan dalam meningkatkan mutu pelajaran agama. Satu dua misalan mungkin memadai untuk menjelaskan hakikat ini.

Dalam tahun 1980 mata pelajaran agama telah diwajibkan kepada semua pelajar di peringkat rendah dan menengah di seluruh negara. Langkah yang telah menerima sambutan menyeluruh dari semua golongan masyarakat ini telah diikuti pula dengan langkah-langkah sampingan mengadakan guru-guru agama khusus untuk sekolah-sekolah berasrama penuh dan mengadakan kursus-kursus khas kepada ketua-ketua dan pemimpin pelajar di seluruh negara dengan tujuan memperkukuh asas pengetahuan dan pendidikan agama mereka.

Di samping menyediakan kemudahan-kemudahan pendidikan yang lebih sempurna, termasuk suatu skim latihan khusus untuk guru-guru agama, dan untuk tujuan memperluas peluang bagi pelajar-pelajar agama memperkuat asas pendidikan sains dan teknologi mereka, beberapa buah sekolah agama moden berasrama penuh telah dirancang.

Menurut Timbalan Perdana Menteri, Datuk Musa Hitam, dalam tempoh Rancangan Malaysia Keempat ini sahaja 10 buah sekolah menengah agama moden ala sekolah menengah berasrama penuh sekarang akan dibina di seluruh negara (8 di Semenanjung, satu di Sabah dan satu lagi di Sarawak) dengan perbelanjaan lebih \$50 juta.

Tetapi segala perkembangan di peringkat rendah dan menengah ini tentulah

tidak akan lengkap jika tidak dilanjutkan ke peringkat pengajian tinggi.

Sebenarnya, kemajuan yang telah tercapai di bidang ini amatlah mengagumkan. Dalam tempoh beberapa tahun yang lalu bukan sahaja kesemua institusi pengajian tinggi kita telah berjaya menyediakan kursus dan kemudahan bimbingan agama untuk semua pelajar malah serentak dengan ini kita juga menyaksikan penubuhan dua pusat pengajian Islam bertaraf fakulti — satu di Universiti Kebangsaan Malaysia dan satu lagi di Universiti Malaya.

Patut juga ditekankan bahawa peningkatan taraf Yayasan Pengajian Islam, Nilam Puri kepada Pusat Pengajian Islam Universiti Malaya, selain dari merupakan suatu pengiktirafan akademik kepada sebuah institusi pendidikan Islam yang adalah juga memenuhi hasrat dan cita-cita murni masyarakat tempatan Kelantan yang telah lebih separuh abad tersimpan di jiwa mereka.

Sempurna

Dengan dua pusat pengajian Islam yang serba lengkap ini dan dengan tertubuhnya pula Universiti Islam Antarabangsa di Bukit Fraser pada tahun hadapan maka ternyata negara sudah mempunyai suatu sistem pendidikan Islam yang cukup mampu untuk terus menyubur dan mengembangkan pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan di berbagai bidang akademik dari sejarah dan falsafah Islam hinggalah ke bidang-bidang perundangan dan teknologinya.

Dua implikasi perkembangan ini adalah jelas. Sistem pengajian tinggi Islam yang lengkap akan mampu bukan sahaja melahirkan lebih ramai para intelek Islam malah juga berkemungkinan melahirkan hubungan yang lebih rapat dan berimbang di antara golongan-golongan intelek profesional lain dengan golongan intelek Islam.

Pertembungan dan hubungan kerjasama yang lebih rapat di antara kedua golongan ini sudah pasti akan dapat membantu kita memperbaiki fahaman dan amalan agama kita sebagai sebuah masyarakat yang sentiasa bercita-cita menghayati Islam secara yang lebih sempurna.

Bagaimanapun, usaha meningkatkan pendidikan Islam ini tidak pula berhenti di setakat memperkemas dan memperbaiki mutu pelajaran formalnya sahaja.

Serentak dengan langkah-langkah di atas kerajaan juga telah memberikan perhatian kepada sistem pendidikan agama yang tak formal. Bantuan berbentuk elaun yang lebih kepada guru-guru sekolah pondok (dari \$600 kepada \$800 untuk guru ketua di Kelantan) dan bantuan kebendaan bagi memperbaiki kemudahan pelajaran ini juga disediakan.

Dan di samping itu peruntukan yang bukan kecil juga diberikan untuk memperkembangkan kemudahan-kemudahan di kira-kira 1,200 masjid dan surau yang terdapat di negara ini.

Memandangkan ini maka jelaslah bahawa apabila kerajaan menyebut tentang cita-cita meningkatkan mutu dan taraf pendidikan agama di negara ini mereka bukan hanya bercakap kosong. Kesungguhannya telah lebih dari terbukti.